



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL BIL. 2 TAHUN 2021**

**PERATURAN BAYARAN YURAN KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL/
BADAN IKHTISAS**

1. TUJUAN

1.1. Arahan Pegawai Pengawal (APP) ini adalah untuk memberikan panduan kepada semua Ketua Jabatan/Bahagian Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenai bayaran yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas kepada para pegawai yang ditempatkan di KPKT.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Berdasarkan semakan dengan Kementerian Kewangan (MOF), tiada pekeliling atau ketetapan khusus berkaitan bayaran yuran keahlian bagi penjawat awam yang menganggotai badan profesional/badan ikhtisas.

2.2. MOF pernah memberikan kelulusan khas kepada **Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)** melalui surat rujukan KK/BP(8.04)1(JD.3)/(13) bertarikh 31 Disember 1992 yang membenarkan bayaran yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas **Malaysian Institute of Accountants (MIA)** iaitu bagi **yuran pendaftaran** dan **yuran tahunan** mengikut jumlah bayaran sebenar yang telah dibuat oleh pegawai/akauntan terlibat. Selain keahlian MIA, pegawai juga layak menuntut pembayaran balik untuk **yuran keahlian** bagi satu badan profesional sahaja yang diiktiraf oleh Kerajaan

iaitu seperti *Chartered Association of Certified Accountant* (CACA), *Chartered Institute of Management Accountant* (CIMA) atau *Australia Society of Certified Public Accountant* (ASCPA).

- 2.3. Merujuk kepada surat MOF kepada **Jabatan Audit Negara (JAN)** rujukan KK/BP/10/984/714/6(SK.1/98)(12) bertarikh 30 November 1992, MOF telah memberi kelulusan kepada **Juruaudit** yang berkhidmat di JAN untuk membuat tuntutan bayaran balik yuran keahlian (yuran pendaftaran dan yuran tahunan) dengan MIA dan satu badan ikhtisas perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan. JAN melalui emel kepada KPKT bertarikh 11 Februari 2021 telah mengesahkan bahawa kelulusan MOF tersebut turut diperluaskan kepada Juruaudit yang mengisi perjawatan skim Juruaudit di Bahagian/Unit Audit Dalam Kementerian.
- 2.4. MOF melalui surat bertarikh 15 Februari 2001 rujukan KK/BP10/687/1(38) telah memberi kelulusan bayaran balik **fee kemasukan** dan **fee pendaftaran** kepada **Perancang Bandar Berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah Berdaftar** yang berada dalam Perkhidmatan Awam.
- 2.5. Lanjutan daripada permohonan KPKT juga, MOF melalui surat rujukan KK/BP/DS10/984/714/6 JLD.4(S.K3/2016)(7) bertarikh 15 Februari 2017 telah meluluskan bayaran balik tuntutan **yuran keahlian** yang dibayar kepada **Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia** dan **Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah**. Kelulusan bayaran tersebut hanya terpakai untuk **yuran pemprosesan, yuran pendaftaran** dan **yuran pembaharuan tahunan**.
- 2.6. Selain itu, MOF juga telah memberikan kelulusan untuk tuntutan bayaran balik yuran pendaftaran kaunselor dan perakuan amalan kepada semua **Pegawai Psikologi (Gunasama)** melalui surat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan KK/BDSP10/984/714/6(S.K.2/2017)(3) bertarikh 1 Mac 2017. Kelulusan tersebut hanya terpakai untuk **yuran pemprosesan, yuran pendaftaran** dan **yuran pembaharuan dwi-tahunan**.

2.7. Memandangkan tiada pekeliling atau peraturan yang seragam dikeluarkan, KPCT telah mengambil inisiatif untuk menyediakan peraturan dalaman berkaitan bayaran yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas berdasarkan kelulusan-kelulusan yang telah dikeluarkan oleh MOF dan berpandukan undang-undang/peraturan yang berkaitan bagi memudahkan rujukan sebelum mempertimbangkan kelulusan pembayaran tuntutan bayaran balik yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas yang dikemukakan oleh pegawai masing-masing.

3. BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS YANG DIBENARKAN

3.1. Bayaran balik yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas pegawai Kerajaan hanya akan ditanggung oleh Kerajaan sekiranya **pegawai berkenaan diwajibkan oleh undang-undang/peraturan bagi profesi yang berkaitan untuk menjadi ahli mana-mana badan profesional/badan ikhtisas bagi membolehkan beliau menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi**. Profesi yang pengamalnya diwajibkan oleh undang-undang/peraturan untuk mendaftar diri dengan badan profesional/badan ikhtisas yang diperaku oleh KPCT adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1:

Senarai Badan Profesional/Badan Ikhtisas Yang Diperaku Oleh KPCT

Bil.	Profesion	Undang-Undang/ Peraturan*	Badan Profesional/Ikhtisas
1	Jurukur Tanah	<i>Licensed Land Surveyors Act 1958</i> (Akta 458)	Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
2	Jurukur Bahan	<i>Quantity Surveyors Act 1967</i> (Akta 487)	Lembaga Juruukar Bahan Malaysia
3	i. Arkitek ii. <i>Building Draughtsman</i>	<i>Architects Acts 1967</i> (Akta 117)	Lembaga Arkitek Malaysia
4	Jurutera	<i>Registration of Engineers Act 1967</i> (Akta 138)	Lembaga Jurutera Malaysia

Bil.	Profesional	Undang-Undang/ Peraturan*	Badan Profesional/Ikhtisas
5	i. Akauntan ii. Juruaudit	Accountants Act 1967 (Akta 94)	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Malaysian Institute of Accountants (MIA);</i> 2. <i>Malaysian Association of Certified Public Accountants (MICPA)</i> 3. <i>Institute of Chartered Accountants of Scotland (ICAS)</i> 4. <i>Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)</i> 5. <i>Institute of Chartered Accountants in Ireland</i> 6. <i>Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) (United Kingdom)</i> 7. <i>Institute of Chartered Accountants in Australia (ICAA)</i> 8. <i>Australian Society of Certified Practising Accountants (CPA)</i> 9. <i>New Zealand Chartered Accountants;</i> 10. <i>Canadian Institute of Chartered Accountants (CICA)</i> 11. <i>Institute of Chartered Accountants of India (ICAI)</i> 12. <i>Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) (United Kingdom)</i>
6	Ahli Kimia	Akta Ahli Kimia 1975 (Akta 158)	Institut Kimia Malaysia
7	Pegawai Perancang Bandar	Akta Perancang Bandar dan Desa 1995 (Akta 538)	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Malaysian Institute of Planner (MIP)</i> 2. Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)
8	Pegawai Psikologi	Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)	Lembaga Kaunselor
9	i. Penilai ii. Pentaksir	Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242)	Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta

* Termasuk pindaan Akta sekiranya ada.

- 3.2. Selaras dengan surat MOF seperti di perenggan 2.2, 2.3 dan Bahagian I dan II, Jadual Pertama di bawah Seksyen 14 dan 15, Akta Akauntan 1967 (Akta 94), pegawai Akauntan dan Juruaudit layak menuntut yuran keahlian yang terdiri daripada yuran pendaftaran dan yuran tahunan dalam tempoh perkhidmatan pegawai dan dihadkan kepada **satu badan profesional selain MIA**.

4. YURAN KEAHLIAN YANG DIBENARKAN

- 4.1. Yuran-yuran yang boleh dituntut bayaran balik untuk **kelulusan Ketua Jabatan/Bahagian** masing-masing adalah seperti berikut:
- i. Yuran Pendaftaran Keahlian;
 - ii. Yuran Pemprosesan; dan
 - iii. Yuran Pembaharuan Keahlian Tahunan/Yuran Tahunan.
- 4.2. Bayaran pelbagai seperti bayaran peperiksaan, keahlian perpustakaan, langganan majalah/buletin dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.
- 4.3. Bayaran yang boleh dituntut adalah berdasarkan jumlah sebenar yang telah dibuat oleh pegawai terlibat.
- 4.4. Kemudahan ini diberi secara tuntutan bayaran balik yang disokong dengan resit rasmi asal yang dikeluarkan oleh badan profesional/badan ikhtisas yang berkenaan.
- 4.5. Tuntutan bayaran balik yuran keahlian adalah bagi tahun semasa sahaja dan tidak boleh ditangguh sehingga melangkau tahun.
- 4.6. Bayaran pendahuluan (*advanced payment*) bagi tahun-tahun akan datang atau bayaran tunggakan bagi tahun sebelum adalah tidak dibenarkan.

4.7. Kekerapan pembayaran yang dibenarkan adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2:

**Kekerapan Pembayaran Yang Dibenarkan Untuk Tuntutan Bayaran Balik
Yuran Badan Profesional/Ikhtisas**

Perkara	Kekerapan Bayaran
i. Yuran Pendaftaran Keahlian	Sekali sejaya sepanjang tempoh perkhidmatan
ii. Yuran Pemprosesan	
iii. Yuran Pembaharuan Keahlian Tahunan/Yuran Tahunan	Setiap tahun

5. SYARAT KELAYAKAN

5.1. Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah memastikan pegawai telah memenuhi syarat-syarat kelayakan bagi menuntut pembayaran balik yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas yang ditetapkan oleh MOF adalah seperti berikut:

- i. Pegawai diwajibkan mendaftar dengan badan profesional tersebut serta dapat mengesahkan keperluan tersebut di bawah undang-undang/peraturan yang berkenaan;
- ii. Pendaftaran tersebut adalah bagi tujuan membolehkan pegawai menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi demi kepentingan perkhidmatan; dan
- iii. Jabatan mempunyai peruntukan sedia ada yang mencukupi.

5.2. Bagi tujuan kawalan dalaman, syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh KPKT adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan ini adalah untuk penjawat awam dari kumpulan Pengurusan Tertinggi KPKT dan kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- ii. Pegawai yang memohon mengisi jawatan hakiki di KPKT; dan

iii. Pegawai kontrak/sambilan tidak layak mendapat kemudahan ini.

6. KELULUSAN KHAS

6.1. Sekiranya pegawai mengemukakan permohonan tuntutan bayaran keahlian selain daripada yang disenaraikan dalam Jadual 1, Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah mengemukakan permohonan **kelulusan khas** daripada **Ketua Setiausaha KPKT** selaku **Pegawai Pengawal Kementerian** dengan merujuk **undang-undang/peraturan yang berkaitan** dan mendapatkan **ulasan/pandangan Bahagian Kewangan dan Perolehan KPKT** terlebih dahulu.

7. KAEADAH PERMOHONAN BAYARAN BALIK

- 7.1. Pegawai hendaklah membuat permohonan bayaran yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas **menggunakan Borang APP2/21 — Borang Tuntutan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas**.
- 7.2. Pegawai hendaklah melengkapkan dan mengemukakan Borang APP2/21 kepada **Ketua Jabatan/Bahagian** masing-masing untuk pengesahan kelayakan selaras dengan perenggan 4 dan 5 di atas bagi tujuan pembayaran.
- 7.3. Borang APP2/21 yang telah disahkan hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Sumber Manusia (BSM)/Unit Sumber Manusia** mengikut PTJ berkaitan berserta resit rasmi asal dan salinan kelulusan khas, sekiranya berkaitan.
- 7.4. BSM/Unit Sumber Manusia perlu merekodkan kelulusan tuntutan bayaran yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas ke dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai bagi memastikan tuntutan memenuhi syarat seperti di Jadual 2 dan tiada tuntutan berulang.

- 7.5. Borang APP 2/21 yang telah disahkan oleh BSM/Unit Sumber Manusia serta dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan kepada **Bahagian Kewangan atau Unit Kewangan** PTJ masing-masing untuk tujuan pembayaran.
- 7.6. Permohonan yang tidak lengkap, tidak diluluskan oleh Ketua Jabatan/Bahagian atau tidak disahkan oleh BSM/Unit Sumber Manusia tidak akan diproses untuk pembayaran.

8. TARIKH KUAT KUASA

- 8.1. APP ini berkuatkuasa mulai tarikh APP ini dikeluarkan dan pelaksanaannya membatalkan Pekeliling Kewangan Bilangan 4 Tahun 2015: Peraturan Bayaran Yuran Keahlian Badan Profesional/Badan Ikhtisas bertarikh 8 April 2015.



(DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN)

Ketua Setiausaha selaku Pegawai Pengawal
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh: 5/3/2021



**BORANG TUNTUTAN BAYARAN YURAN KEAHLIAN BADAN
PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS**

MAKLUMAT PEGAWAI PEMOHON	
Nama	
No. Kad Pengenalan	
Jawatan	
Gred Jawatan	
Jabatan/Bahagian	
MAKLUMAT AKAUN BANK PEMOHON	
No. Akaun Bank	
Nama Bank	
MAKLUMAT BADAN PROFESIONAL/BADAN IKHTISAS	
Nama Badan Profesional/Badan Ikhtisas	
Alamat	
No. Resit Rasmi	
<p>(Sila lampirkan resit rasmi asal atau salinan yang telah disahkan sekiranya menggunakan resit cetakan komputer)</p> <p>[Sila lampirkan kelulusan khas Ketua Setiausaha KPKT (sekiranya berkaitan)]</p>	
MAKLUMAT TUNTUTAN BAYARAN	
Yuran Pendaftaran Keahlian	RM
Yuran Pemprosesan	RM
Yuran Pembaharuan Keahlian Tahunan/Yuran Tahunan	RM
Jumlah	RM

KELULUSAN KETUA JABATAN/BAHAGIAN

Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa:

- i. pegawai adalah layak selaras dengan Arahan Pegawai Pengawal Bil. 2 Tahun 2021; dan
- ii. pegawai perlu mendaftar sebagai ahli badan profesional/badan ikhtisas yang dipohon bagi membolehkan pegawai menjalankan tugas hakiki dan tugas rasmi beliau demi kepentingan perkhidmatan.

Tuntutan bayaran balik yuran badan profesional/badan ikhtisas berjumlah adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN**.

Tarikh :

Tandatangan

.....
(Nama & Cop Jawatan)

**PENGESAHAN BAHAGIAN SUMBER MANUSA
(Tandakan ✓ mana yang berkaitan)**

Permohonan ini telah disemak dan disahkan bahawa tuntutan pegawai adalah mematuhi syarat tuntutan di bawah Arahan Pegawai Pengawal Bilangan 2 Tahun 2021.

Ulasan:

.....
.....

Tarikh :

Tandatangan

.....
(Nama & Cop Jawatan)

UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN KEWANGAN/PUSAT TANGGUNGJAWAB

Tarikh terima:

Dokumen lengkap untuk diproses:

Penyedia: